



DZULKEFLI MUSTHAPA | BERITA HARIAN

GOTONG-ROYONG: Orang ramai membersihkan Pasar Besar Seremban pada majlis Gotong-Royong Perdana.

Tilam dalam sungai

Menteri Besar kesal masih ada penduduk buang pelbagai sisa sesuka hati hingga cemar alam sekitar

Oleh Ahmad Naim Tahir

SEREMBAN: "Saya dengar ada juga tilam yang dibuang ke dalam Sungai Temiang... tak tahu siapa pula yang tidur dalam sungai," kata Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berseloroh ketika menggambarkan pencemaran sungai berkenaan.

Seloroh itu disulami ketegasan menceritakan bagaimana masyarakat kini semakin lupa terhadap tanggungjawab memulihara alam sekitar dengan tanggapan tugas itu hanya beban kerajaan semata-mata.

Contoh mudah untuk membuktikan perubahan sikap itu, katanya, adalah amalan gotong-royong menjaga kebersihan yang dulunya begitu menebal dalam masyarakat, kini semakin sukar atau langsung tidak kelihatan.

"Bukan setakat gotong-royong, jiran sebelah rumah pun sekarang ramai yang tak kenal, sedangkan konsep kejiranan amat penting sehingga ditekankan dalam agama kita," katanya.

Menyedari perlunya menanam semula semangat gotong-royong di kalangan masyarakat, kerajaan negeri akan menjadikannya agenda tahunan dengan pembabitkan menyeluruh masyarakat

setiap peringkat.

Buat permulaan, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) merintis usaha itu dengan melancarkan Gotong-Royong Perdana dan Kempen Membudayakan Gotong-Royong di Kalangan Warga Seremban di Pasar Besar Seremban, baru-baru ini.

Gotong-royong membabitkan sepanjang Sungai Temiang bermula di Sekolah Kebangsaan Temiang melalui Masjid Jamek Seremban, Jambatan Lobak dan kompleks beli-belah Terminal One.

Selain Mohamad, turut menyertai program itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Woo Ah Lek; Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Abdullah Sani Abd Hamid dan Yang Dipertua MPS, Abd Halim Abd Latif.

"Kita mahu semua persatuan di Negeri Sembilan, baik persatuan penduduk atau badan bukan kerajaan (NGO) buat gotong-royong besar-besaran dua atau tiga kali setahun atau bila perlu, termasuk dengan kerjasama agensi kerajaan," kata Mohamad.

Katanya, langkah itu penting bagi mengikis sikap terlalu bergantung

kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran.

"Kebersihan menjadi tuntutan kerana tempat yang kotor menjadi punca pelbagai penyakit, kita tidak mahu ada rakan atau anak-anak menjadi mangsa penyakit seperti demam denggi yang berpunca daripada persekitaran kotor," katanya.

Sementara itu, Abd Halim berkata, aktiviti gotong royong adalah satu daripada program Local Agenda 21 bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar.

"Program ini juga dapat memupuk semangat muhibah dan kerjasama sesama penduduk kerana tanggungjawab menjaga kebersihan perlu dipikul bersama-sama, bukannya MPS semata-mata," katanya.

Katanya, tumpuan diberikan kepada Sungai Temiang yang mengalir di tengah-tengah bandar Seremban kerana kedudukannya di tepi Pasar Besar Seremban yang menyebabkan segala sisa dibuang sesuka hati ke sistem saliran itu.

"Sungai Temiang yang dulunya menjadi tempat pembuangan pelbagai jenis

sampah sarap, kini sudah berwajah baru. Kita juga sudah dan akan melaksanakan program seperti pembersihan berkala dan menanam pokok bagi mengindahkan sungai ini," katanya.

Kakitangan kerajaan, Mohamad Abu Bakar, 52, berkata semua pihak harus menyokong aktiviti gotong-royong yang mempunyai banyak manfaat, bukan setakat membersihkan kawasan.

"Melalui gotong-royong, kita juga dapat mengenali antara satu sama lain dan mengeratkan hubungan dalam masyarakat," katanya.

Suri rumah, Hamisah Murad, 46, berkata orang ramai tidak seharusnya berpeluk tubuh membiarkan persekitaran dipenuhi sampah sarap kerana akan menerima kesan negatif.

"Kekotoran punca banyak penyakit dan tidak boleh dibiarkan begitu saja. Gotong-royong adalah satu daripada cara untuk kita membersihkan kawasan," katanya.

Kakitangan kerajaan, Arriahan Mishan, 46, berkata masyarakat perlu mengikis sikap terlalu bergantung kepada kerajaan dalam aspek menjaga kebersihan, sebaliknya bekerjasama dan menyumbang apa yang termampu melalui gotong-royong.

FAKTA



Gotong-Royong Perdana

- Disertai lebih 1,000 penduduk.
- Membabitkan kerja pembersihan sepanjang Sungai Temiang.
- Sebahagian daripada program Local Agenda 21.

“Program ini juga dapat memupuk semangat muhibah dan kerjasama sesama penduduk kerana tanggungjawab menjaga kebersihan perlu dipikul bersama-sama, bukannya MPS semata-mata”

Abd Halim Abd Latif
Yang Dipertua MPS